

UEM Edgenta dan Iskandar Investment Berhad Meterai Kerjasama Kemajuan Pembangunan Mampan di Medini

KUALA LUMPUR, 4 Julai 2024 – UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka, telah merasmikan Memorandum Penerokaan Perniagaan (MOBE) dengan Iskandar Investment Berhad (IIB) untuk memajukan kemampanan, kecekapan tenaga dan pengurangan pelepasan karbon untuk memenuhi matlamat Sifar Bersih (*Net Zero*) IIB di Medini, Johor.

Pertukaran dokumen MOBE di antara kedua-dua organisasi, diwakili oleh Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, dan Dato' Idzham Mohd Hashim, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IIB, dengan kehadiran wakil kanan daripada kedua-dua entiti. Kerjasama ini dijangka memberi impak positif kepada perkembangan masa depan di wilayah Iskandar dengan menyepadukan penyelesaian kecekapan tenaga termaju UEM Edgenta untuk pembangunan persekitaran binaan yang mampan, teknologi bandar ketersambungan tinggi (*hyper-connected*) dan infrastruktur dalam tempoh dua tahun akan datang.

Di bawah MOBE tersebut, UEM Edgenta akan menyediakan IIB dengan sokongan yang diperlukan bagi meneroka peluang untuk mencapai Bangunan Sifar Bersih (*Net Zero Buildings*) melalui kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui di tapak, audit tenaga dan pengubahsuaian bangunan untuk memenuhi piawaian hijau. Kerjasama tersebut juga memberi tumpuan kepada program Zero Capex untuk kecekapan tenaga dan sistem pemantauan bersepadu untuk prestasi tenaga dan pelepasan karbon.

Di samping itu, UEM Edgenta akan menyokong pelaksanaan pembangunan bandar yang mampan dan berketersambungan tinggi melalui kerjasama ini. Inisiatif ini melibatkan perancangan bandar yang mengutamakan alam sekitar menggunakan teknologi pintar, mewujudkan Zon Tenaga Boleh Diperbaharui, dan menggunakan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri. Selain itu, Pelan Hala Tuju Teknologi Bandar Sifar Bersih (*Net Zero City Technology Roadmap*) akan dibangunkan, menampilkan kembar digital untuk pemodelan bandar, penyelenggaraan ramalan dan sistem pengurusan kemudahan pintar. Semua usaha akan sejajar dengan amalan terbaik kemampanan.

Kerjasama itu juga akan diperluaskan kepada pembangunan infrastruktur, di mana UEM Edgenta akan menyediakan kepakaran kejuruteraan dan pengurusan projek yang bertujuan untuk menyediakan pemilik hartanah dan pemaju perbandaran dengan nilai jangka panjang yang memenuhi aspirasi dan cita-cita sifar bersih mereka. Pada masa yang sama, perkongsian ini bertujuan untuk menyokong usaha IIB untuk meningkatkan amalan terbaik kemampanan dalam sektor hartanah, sejajar dengan Visi Sifar Bersih IIB.

Dato' Idzham Mohd Hashim, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IIB, berkongsi, "Kerjasama dengan UEM Edgenta sejajar dengan visi kami untuk mewujudkan CBD sifar bersih pertama di rantau ini, berpaksikan pendigitalan, inovasi dan Perkhidmatan Perniagaan Global. Dengan memberi tumpuan kepada mencapai bangunan sifar bersih, penyepaduan teknologi bandar pintar, dan memajukan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, kami komited untuk meneroka penyelesaian mampan transformatif. Bersama dengan kepakaran UEM Edgenta, kami bermatlamat untuk menetapkan piawaian baharu dalam kecekapan tenaga dan amalan bangunan hijau, menyasarkan 90% Bangunan Berperakuan

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatimah, Ketua, Komunikasi Korporat (wanlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Media (alibaizuri@edgenta.com) / Muhaiza Ibrahim, Naib Presiden, Komunikasi Korporat (Iskandar Investment Berhad) (muhaiza@iskandarinvestment.com)

Hijau menjelang 2040. Kami yakin kerjasama ini akan membuka jalan untuk masa depan yang berdaya tahan dan mampan di Medini, Johor.”

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, menekankan peranan penting kemampanan dalam strategi korporat masa kini. “Melihat kepada peranan prinsip kemampanan dan ESG yang menjadi semakin mustahak kepada agenda korporat, UEM Edgenta bertindak sebagai sebuah kuasa perubahan. Selama lebih dari tiga dekad di Malaysia, inisiatif kemampanan kami bukan sahaja telah memberikan penjimatan kos yang ketara tetapi juga meningkatkan prestasi dan meningkatkan nilai aset-aset pelanggan kami. Hasilnya terbukti apabila pelanggan kami telah mendapat pengurangan sehingga 52% dalam penggunaan tenaga elektrik, menjimatkan lebih dari RM100 juta secara kumulatif, dan usaha kami telah membawa kepada pengurangan pelepasan karbon melebihi 31,200 tCO₂. Sehubungan dengan peralihan ke arah kemampanan ini, kami menggesa lebih banyak syarikat Malaysia untuk mengamalkan amalan hijau, membuka jalan untuk masa depan yang berdaya tahan dan mampan alam sekitar.”

“Maka, kerjasama antara UEM Edgenta dan IIB dijangka memberi kesan positif kepada perkembangan masa depan dengan menyepadukan penyelesaian peralihan tenaga termaju, meningkatkan amalan kemampanan, dan memastikan semua projek baharu dan sedia ada selari dengan matlamat Sifar Bersih IIB. Kami juga percaya perkongsian ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi dengan memupuk persekitaran kolaboratif, berkongsi pengetahuan dan kepakaran, dan membuka peluang untuk usaha niaga masa depan dan projek yang mampan,” tambah Syahrudin Samsudin.

MOBE tersebut akan dilaksanakan oleh UEM Edgenta melalui OPUS Consultants, Edgenta Property & Facilities Solutions (PFS), dan Edgenta NXT. Anak-anak syarikat ini akan secara menyampaikan penyelesaian peralihan tenaga termaju dan teknologi bandar yang sangat berkaitan secara bersama. OPUS akan menerajui perkhidmatan kejuruteraan dan perundingan, memastikan pembangunan infrastruktur yang mantap dan pengoptimuman; PFS akan menumpukan pada pelaksanaan program kecekapan tenaga dan pengubahsuaian bangunan untuk memenuhi piawaian hijau, manakala Edgenta NXT akan menggunakan penyelesaian digital dan teknologi untuk menyokong objektif bandar Sifar Bersih berketersambungan tinggi. Bersama-sama, mereka akan memacu inisiatif yang digariskan di dalam MOBE, memupuk pertumbuhan yang mampan dan menyumbang kepada merealisasikan CBD sifar bersih di Medini.

Pemeteraian MOBE antara UEM Edgenta dan IIB menandakan satu peristiwa penting di dalam perjalanan kedua-dua organisasi ke arah pembangunan mampan dan peralihan tenaga, memanfaatkan kepakaran UEM Edgenta untuk mencipta penyelesaian yang berkesan untuk masa depan yang lebih hijau dan berdaya tahan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan UEM Edgenta dan perjalanan kemampanannya layari <https://www.uemedgenta.com/> .

-Tamat-

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatimah, Ketua, Komunikasi Korporat (wanlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Media (alibaizuri@edgenta.com) / Muhaiza Ibrahim, Naib Presiden, Komunikasi Korporat (Iskandar Investment Berhad) (muhaiza@iskandarinvestment.com)

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

Mengenai Iskandar Investment Berhad

Iskandar Investment Berhad merupakan pemain utama dalam transformasi di Iskandar Malaysia dalam menjadikan wilayah itu sebuah metropolis yang dikenali di peringkat antarabangsa. Ditubuhkan pada November 2006, tugas IIB adalah memastikan wilayah ekonomi itu meneruskan pencapaian cemerlang terutama dalam menjadi sebuah destinasi pelaburan yang menarik dan wilayah yang mempunyai kualiti hidup yang baik menerusi projek pemangkin dan berimpak tinggi.

Fokus IIB adalah pembangunan Iskandar Puteri dalam sektor pendidikan, kreatif, pelancongan, riadah serta kesihatan dan kesejahteraan. Antara pencapaian IIB utama IIB termasuk kejayaan dalam usaha sama dan pelaburan dan menjadi rakan kongsi pelaburan dalam EduCity, LEGOLAND Malaysia Resort, Iskandar Puteri dan Medini serta projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 di Iskandar Malaysia. IIB komited untuk memacu ekonomi dan pertumbuhan mapan alam sekitar di Iskandar Malaysia dan memastikan pertumbuhan inklusif untuk warga Iskandar menerusi peluang pekerjaan dan pendapatan.

Untuk keterangan lanjut mengenai IIB, sila lawati www.iskandarinvestment.com.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatimah, Ketua, Komunikasi Korporat (wanlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Media (alibaizuri@edgenta.com) / Muhaiza Ibrahim, Naib Presiden, Komunikasi Korporat (Iskandar Investment Berhad) (muhaiza@iskandarinvestment.com)